



## SIARAN MEDIA

### ISU PENGELUARAN PERMIT DAN PENYERAHAN BANTUAN RM500 KEPADA PENIAGA BAZAR RAMADAN DI PENTADBIRAN SELAYANG

Merujuk kepada laporan berita oleh TV-Alhijrah yang disiarkan pada 8 Mei 2021, MPS ingin memberi penjelasan tentang dakwaan berkaitan isu permit perniagaan dan tuntutan wang bantuan kepada peniaga bazar Ramadhan oleh kerajaan negeri Selangor.

Untuk makluman MPS telah mengedarkan surat bagi permohonan untuk mengadakan bazar Ramadan 2021 pada 26 Februari 2021 kepada semua pengelola dan persatuan yang pernah terlibat dengan aktiviti bazar Ramadan sebelum ini di mana permohonan individu untuk menjalankan perniagaan dibuat terus kepada pengelola dan persatuan yang terlibat. Untuk tahun ini, sebanyak 30 lokasi Bazar Ramadan telah beroperasi secara sah di seluruh Pentadbiran Selayang melibatkan sebanyak 1,640 petak niaga.

Tentang isu permit perniagaan yang tidak diberikan kepada peniaga, permit adalah diberikan secara berkelompok kepada pengelola berdasarkan senarai pendaftaran yang diserahkan oleh pengelola kepada pihak MPS. Untuk Bazar Ramadan di Bandar Tasik Puteri, berdasarkan rekod, bazar tersebut adalah di bawah kelolaan JKP Zon 18 dan sebanyak 96 jumlah petak telah diluluskan.

Berkaitan dakwaan peniaga bahawa timbul kesukaran untuk membuat permohonan bantuan pula, ketika ini belum ada perincian dari kerajaan negeri tentang kaedah bayaran kepada peniaga yang terlibat. Untuk makluman, MPS sedang dalam proses menyerahkan senarai lengkap peniaga yang terlibat kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan akan menunggu arahan seterusnya untuk mekanisme penyerahan bantuan.

Diharapkan dengan penjelasan ini, tidak timbul kekeliruan tentang penyerahan bantuan oleh kerajaan negeri Selangor kepada kepada peniaga-peniaga bazar Ramadhan. MPS juga ingin menyeru semua peniaga yang berdaftar melalui pengelola Bazar Ramadan MPS agar tidak perlu khuatir tentang penyerahan bantuan ini. Untuk sebarang pertanyaan, para peniaga boleh merujuk kepada pengelola masing-masing atau menghubungi Jabatan Pelesenan MPS di talian 03 6126 5943.

#TAMAT#

**Dikeluarkan Oleh:**  
**En. Mohamad Zin Bin Masoad A.M.S.**  
**Pengarah**  
**Jabatan Korporat**

**B.P**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Perbandaran Selayang**

**09 Mei 2021**